

Reaksi keras PM sudah cukup jadi pendirian rasmi kita

UM 1 0 DEC 2002

KUALA LUMPUR 9 Dis. — Reaksi keras Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terhadap rancangan Australia untuk menyerang negara-negara jirannya dalam usaha menangani pengganas, sudah cukup untuk menjadi pendirian rasmi kerajaan Malaysia.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Malaysia yakin Australia telah menerima mesej itu dan ini terbukti apabila media Australia melaporkan bahawa kenyataan Perdana Menteri, John Howard sebagai disalah tafsirkan.

“Australia seharusnya telah faham kemarahan Malaysia serta negara-negara ASEAN yang lain terhadap kenyataan Howard itu.

“Tetapi kalau mereka masih tidak faham, mungkin ada sesuatu yang tidak kena,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Pada 2 Disember lalu, Dr. Mahathir menegaskan bahawa Malaysia sedia menyerang balas Australia jika ia menceroboh wilayah negara ini dalam usahanya memburu pengganas.

Perdana Menteri dalam kenyataan paling tegasnya membatalkan hubungan dua negara, menyifatkan rancangan pencerobohan itu sebagai satu jenayah dan juga cubaan melancarkan perang terhadap negara ini.

Syed Hamid menambah, sama ada perkara itu akan dibawa ke perbincangan forum serantau atau tidak, kenyataan Dr. Mahathir itu sudah cukup jelas untuk dijadikan kenyataan dasar Malaysia.

Bagaimanapun, katanya,

Malaysia tetap membawa isu itu ke mesyuarat tidak rasmi Menteri-Menteri Luar ASEAN di Sabah pada Mac ini dan Forum Serantau ASEAN (ARF) pada Julai depan.

“Tetapi bagi kita, perbincangan di kalangan anggota ASEAN lebih penting berbanding di ARF kerana isu tersebut melibat dan menjejaskan negara-negara ASEAN.

“Lagi pun, di ARF, perbincangan mengenai isu seperti itu hanya akan menjadi perbincangan yang umum dan tidak ada sesuatu yang kukuh dapat dicapai,” katanya.

Mengenai aduan dua pelajar Malaysia di Australia yang dinasihatkan supaya tidak pulang ke tanah air kerana keadaan dikatakan huru-hara, Syed Hamid berkata, Malaysia akan mengemukakan bantahan rasmi jika perkara itu benar.

Bagaimanapun, katanya, sehingga kini, pihaknya belum dapat mengenal pasti kedua-dua pelajar itu untuk membantu siasatan.

“Kita minta pelajar itu membuat aduan rasmi kepada kerajaan untuk memudahkan siasatan dan tindakan susulan diambil.

“Kita ada beribu-ribu pelajar di serata Australia dan sukar untuk kita untuk mencari mereka,” katanya.

Mengenai keselamatan pelajar Malaysia di Australia, beliau berkata, setakat ini, tidak ada aduan diterima berhubung soal keselamatan atau layanan kasar daripada warga Australia.

“Yang banyak terjadi ialah ke atas pelajar dan penduduk Islam dari Indonesia,” katanya.